# JAMINAN KERJAYA + IJAZAH + KELAYAKAN PROFESIONAL BAGI LEPASAN DIPLOMA

## Serta didedahkan pada 'Software Factory' Simulasi Sebenar Dunia Pekerjaan

*Disediakan oleh: Azrina Mazlin Binti Alias*

Setiap tahun ribuan graduan berkelayakan diploma dan sijil dilahirkan oleh puluhan IPTS / IPTA. Rata-rata graduan diploma ini akan terus memilih untuk bekerja akibat desakan hidup yang tinggi di bandaraya besar, tidak hairanlah segelintir graduan ini bekerja sebagai pekerja berpengetahuan kelas kedua (2nd class knowledge worker) dengan pandapatan yang tidak setimpal dengan kelulusan mereka.

Jawatan ini memberi pendapatan sekitar RM 800 sehingga RM 1,200 serta peluang yang tipis dari pertumbuhan kerjaya contohnya peluang kenaikkan pangkat dan gaji yang terhad. Majikan memberi alasan bahawa graduan-graduan ini menghadapi masalah kekurangan dalam kemahiran yang diperlukan di dunia pekerjaan sebenar seperti tiada inisiatif serta keyakinan diri, tidak cekap dalam aspek penulisan dan komunikasi, tidak peka terhadap keperluan persekitaran serta perkembangan teknologi terkini.

Manakala jika memilih untuk ke peringkat ijazah sanggupkah graduan ini menghadapi tekanan belajar secara teori selama tiga tahun akan datang dan belum tentu lagi akan berjaya mendapat pekerjaan yang diidamkan.

**Certified Career Specialist Program (CCSP)** adalah program profesional ditawarkan oleh Kolej Universiti Metropolitan Kuala Lumpur (KLMU) untuk graduan lepasan peringkat diploma untuk berjaya mencapai kelayakan profesional, ijazah yang diiktiraf serta jaminan kerjaya. Pulangan pendapatan permulaan yang lumayan antara RM 1,800 sehingga RM 3,500 selepas tamat program. 75 peratus kurikulumnya memberi pendedahan ke arah kemahiran yang diperlukan dan diterima oleh industri.



Pelajar CCSP sedang mengikuti kelas

Program ini diasaskan semenjak tahun 2004 berjaya menonjolkan kewibawaan KLMU di mana 100 peratus graduan lepasan program ini berjaya di tempatkan di lapangan kerjaya profesional dalam dan luar negara. Antaranya, Muhammad Shuhir Bin Idris yang kini menjawat jawatan sebagai Pengurus Projek Bill Adams Associates di London, Manjit Singh di Silikon Valley, California, Rahayu Zainol Abidin yang bakal menjadi pakar SAP di Accenture Sdn Bhd dan tidak ketinggalan mereka yang kini bekerja di lebih 200 syarikat-syarikat terkemuka di negara ini. Seramai 2,500 graduan telah dihasilkan melalui program ini. Menampakkan kejayaan KLMU membantu usaha kerajaan menghapuskan masalah pengangguran di kalangan graduan. Hasrat dan visi Kementerian Sumber Manusia Malaysia yang berkehendakkan sumber tenaga manusia yang kompetitif dalam persekitaran industri bertaraf dunia.

Antara program profesional CCSP yang boleh diikuti adalah program Certified Computer Software Specialist (CCSS) berserta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Maklumat. Program ini memberi peluang kepada graduan diploma yang mempunyai latar belakang dan minat mendalam di bidang Teknologi Maklumat (IT), Perniagaan, Sains dan ingin berkecimpung di bidang ICT. Selepas tamat program ini, graduan boleh menceburi bidang



Pelajar CCSS bersama tenaga pengajar





kerjaya seperti Pakar Kejuruteraan, Jurutera Perisian, Pakar Analisis, Pengaturcara Sistem, Penganalisis Data dan seumpamanya. Kajian pendapatan menyatakan pendapatan permulaan yang perolehi oleh graduan lepasan program ini antara RM 3,500 sehingga RM 6,000 sebulan.

Di antara modul yang ditekankan dalam program CCSS

- Programming with Java
- Networking Principles
- Database Design & Management
- IT Security
- Software Engineering
- Introduction to Microsoft .NET Framework
- Emerging Technologies
- Internet Technologies (DHTML, JavaScript, XML, RSS)
- Enterprise Java Technologies
- Microsoft .NET Technologies
- Oracle Technologies
- Open Source Technologies

Program Certified Business Development Specialist (CBDS) berserta Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Jualan & Pemasaran pula memberi pendedahan kepakaran dalam pengurusan keusahawanan dan pemasaran antarabangsa. Program ini bersesuaian dengan graduan yang mempunyai diploma dalam bidang perniagaan, perakaunan, kewangan, pengurusan pentadbiran serta pemasaran dan sains. Yang menariknya graduan akan didedahkan dengan penguasaan Bahasa Inggeris dan Mandarin selain teknik dan



Perbincangan di antara pelajar CBDS dengan tenaga pengajar

skill pemasaran. Antara kerjaya yang boleh diceburi adalah Pengurus Akaun, Pengurus Eksekutif, Perancang Pembangunan Perniagaan, Pakar Perunding Jualan dan Pemasaran Korporat Usahawan masa depan dengan pulangan pendapatan yang lumayan.

Antara modul yang ditekankan seperti

- Professional Selling
- English 1 to 5
- Mandarin 1 and 2
- Consumer Behavior
- Integrated Marketing Communication
- Sales Management
- Customer Relationship Management
- Negotiation Techniques
- Business Proposal Writing
- Prospect Development and Management
- International Marketing
- Internet Marketing



Aktiviti CDDS

Program Certified Digital Design Specialist (CDDS) berserta Ijazah Sarjana Muda Sastera (Kepujian) Seni Reka Grafik / Multimedia pula menerapkan kemahiran dalam aspek seni reka digital sama ada dalam bentuk filem, animasi dan sebagainya. Graduan yang memiliki diploma dan latar belakang grafik atau media kreatif boleh memilih untuk mendalami di antara tiga bidang kepakaran iaitu Animation Design, Digital Publishing dan Game Design.



Pelajar program CDDS

Program ini membolehkan graduan menikmati kehidupan yang menguntungkan dengan menceburi kerjaya sebagai Pereka Grafik, Multimedia dan Laman Web, Pengurus Produksi, Ilustrator, 3D Modeler, 3D Animator, Penulis Skrip, Editor dan seumpamanya.

Antara modul yang ditekankan seperti

**Animation Design Specialist**
- Life Drawing
- Animation Technique
- 3D Animation
- Digital Compositing

**Digital Publishing Specialist**
- Graphic Design
- Flash Animation and Actionscript
- Interactivity Design
- Web and Interactive Programming

**Game Design Specialist**
- Game Theory (Analog and Digital)
- Game Interface Design
- Level Editing / Modding
- Game Mechanics



Berbincang mengenai tajuk tugasan



Pelajar program CCNS

Program Certified Computer Network Specialist (CCNS) berserta Ijazah Sarjana Muda Sains (Kepujian) Teknologi Maklumat pula memberi peluang kepada graduan lepasan diploma di mana-mana bidang mempelajari sistem rangkaian komputer, sistem rangkaian LAN / WAN serta teknologi data komunikasi. Pentadbiran Sistem, Jurutera Rangkaian Komputer, Pakar Penyelaras Sistem dan seumpamanya adalah antara kerjaya yang boleh diceburi.

Antara silibus yang akan dipelajari adalah

- Computer Hardware
- Hardware Congfiguration of Operating System
- Microsoft Windows Network Administration
- Cisco 1: Networking Basics
- Cisco 2: Routers and Routing Basics
- Linux System Administration
- Advance Network Operating System 1
- Cisco 3: Switch Basics & Intermediate Routin
- Wireless Networking

Laluan untuk mengikuti program CCSP KLMU berdasarkan 6 bulan di pengajian tahap 1, kemudian graduan didedahkan ke 'Software Factory' selama 4 bulan dimana



Pelajar bersiap sedia untuk pembentangan kertas kerja



Pn. Soufiah Endud

latihan berasaskan sistem operasi yang sebenar bermula dari peringkat merancang, menyelaras, membuat keputusan sehingga proses pengeluaran dan pemasaran yang sebenar. Graduan yang terlibat di tahap ini akan menikmati skim perkongsian keuntungan *(profit sharing)* dari produk dan perkhidmatan yang dipasarkan. Kemudian graduan diserap masuk ke pengajian advance tahap 2 selama 6 bulan dan seterusnya ditawarkan bekerja di industri.

Selaku Ketua di Specialist Job Department, Pn. Soufiah Endud berkata "graduan CCSP diasah bakat, kebolehan dan personaliti mereka di bidang-bidang yang diminati". Beliau menambah lagi program CCSP yang pertama dipelopori oleh KLMU ini adalah yang paling berjaya melatih dan membimbing para graduan mencapai kemahiran tertinggi yang diterima oleh industri. Lebih 300 buah syarikat di seluruh Malaysia telah menerima graduan lulusan CCSP. Lebih membanggakan pihak industri yakin dengan prestasi graduan yang lahir



Antara tenaga pengajar program CCSP

dari program ini kerana sesetengah dari graduan ini ditawarkan untuk bekerja ketika masih belajar oleh syarikat-syarikat gergasi Multimedia Super Corridor (MSC) dan syarikat yang tersenarai di bursa saham.

Latihan diberikan oleh tenaga pakar profesional di bidang industri yang diiktiraf contohnya dari Kanada, India, Pakistan, dan Jordan. Ini diakui sendiri oleh pelajar semester 3 program Certified Computer Software Specialist (CCSS), Mohd Shahrizal Bin Mohd Aris dan Shahdan Bin Kamarudin. Mereka menambah program CCSP KLMU amat praktikal dan yakin program ini akan merealisasikan masa depan yang kukuh apabila mereka tamat program ini kelak.

Kemudahan prasarana yang disediakan juga berdasarkan kepada teknologi dan persekitaran simulasi dunia pekerjaan sebenar, tempat penginapan, elaun sara diri bulanan, komputer riba dan pinjaman dari institusi kewangan dan PTPTN turut disediakan.

Graduan lepasan diploma dan sijil-sijil yang berminat bolehlah hubungi talian **03-2694 2300**. Faksimilikan butiran diri di **03-2691 4072**, e-mail **itcareer@cosmopoint.edu.my.** Kunjungi kampus KLMU, **Wisma Sachdev, 16-2, Jalan Raja Laut, 50350 Kuala Lumpur** atau cawangan Kumpulan Pendidikan Cosmopoint yang berhampiran. KLMU akan tunjukkan bagaimana jaminan kerjaya di bidang profesional menjadi milik anda.

**KLMU menawarkan biasiswa sebanyak RM500. Bagi sesi pendaftaran bulan April/Mei 2008**

Kuala Lumpur Metropolitan University College

**Untuk keterangan lanjut, sila taip KLMU dan SMS ke 32728**